

Dinar emas: DPIM syor tubuh jawatankuasa khas Kabinet

UM - 1 J
KUALA LUMPUR

3 Julai — Jawatankuasa khas peringkat Kabinet perlu ditubuhkan bagi menggariskan panduan dasar dan pelan tindakan pelaksanaan yang kukuh ke arah merealisasikan wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai penggunaan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa.

Naib Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Datuk Raia Mohammad Abdullah berkata, jawatankuasa tersebut dapat bekerjasama dengan Bank Negara selaku sekretariat dinar emas dalam mempromosi penggunaan dan pelaksanaannya.

Menurut beliau, selain kementerian terlibat, jawatankuasa itu juga perlu disertai oleh dewan perniagaan, pakar ekonomi dan wakil kedutaan asing.

“Sudah tiba masanya bagi kerajaan menubuhkan jawatankuasa ini agar dapat menggariskan satu panduan dan kertas cadangan yang kukuh bagi menjayakan wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu.

“Jawatankuasa ini akan dapat bekerjasama dengan sekretariat dinar emas dalam membuat promosi secara berterusan bagi menjamin penggunaan dan pelaksanaan yang lebih berkesan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas keyakinan Dr. Mahathir bahawa dinar emas tetap akan diterima masyarakat antarabangsa sama seperti perbankan Islam. semasa berucap merasmikan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Dinar Emas sebagai Mata Wang Alternatif di sini kelmarin. Konvensyen itu dianjurkan oleh DPIM Cawangan Wilayah Persekutuan.

Menurut Raja Mohamad yang juga pengarah konvensyen, kejayaan konvensyen itu memberikan kesan yang cukup baik ke arah penggunaan dinar emas oleh negara-negara dunia.

“Dewan juga akan melakukan usaha-usaha promosi yang berterusan terutama menjelang mesyuarat Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) di Kuala Lumpur Oktober ini,” katanya.